

KEJOHANAN HOKI LELAKI ANTARA PANGKALAN TUDM 2018



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3899-kejohanan-hoki-lelaki-antara-pangkalan-tudm-2018

SUBANG, 16 Sep 18 - Kejohanan Hoki Lelaki Antara Pangkalan TUDM telah berlangsung pada 15 dan 16 Sep 18 bertempat di stadium Hoki PU Subang. Sebanyak 10 buah pasukan telah menyertai kejohanan ini dan pasukan Hoki PU Labuan telah muncul sebagai juara setelah mengalahkan pasukan Hoki Kolej Tentera Udara (KTU) dengan jaringan 1-0 di perlawanan akhir.

Tempat ketiga adalah pasukan Hoki PU Subang yang mengalahkan pasukan Hoki PU Kuala Lumpur dengan jaringan 1-0. Pemain terbaik kejohanan adalah LU II Muhammad Irwan bin Ismail dari KTU manakala penjaring terbanyak adalah FSjn Tusnin bin Mohd Mursani dari PU Labuan dengan jaringan sebanyak 5 gol. AKS Materiel, Brig Jen Dato Dr Hj Mohd Yunus bin Masjuki TUDM merangkap Pengurus JKK LSTUDM telah menyampaikan hadiah kepada semua para pemenang.



